

NO. SOALAN : 33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN
[GERIK]**

TARIKH : 17 NOVEMBER 2015

SOALAN :

YB. Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan rentetan daripada peristiwa kemalangan pesawat MAS yang terhempas dan ditembak jatuh, imej negara seakan tercalar di mata dunia. Apakah strategi Kementerian untuk memulihkan imej tersebut dan menarik lebih ramai pelancong melawat negara.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak dari peristiwa kemalangan pesawat MAS berlaku, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia melalui Tourism Malaysia terus mempergiatkan usaha untuk memulihkan keyakinan pelancong asing agar terus memilih Malaysia sebagai destinasi pelancongan di rantau ini. Antara strategi-strategi yang telah dikenal pasti termasuklah:-

1. Meningkatkan promosi Malaysia di negara-negara ASEAN serta di pasaran jarak sederhana seperti India dan Australia. Bagi Negara China promosi telah dilaksanakan di bandar kedua (*second tier city*) dan bandar ketiga (*third tier city*) yang tidak mengalami kesan yang ketara akibat peristiwa kehilangan pesawat MAS;
2. Tourism Malaysia telah menganjurkan beberapa Misi Galakan Khas ke pasaran-pasaran yang dikenal pasti bagi menarik pelancong dari negara-negara New Zealand, Australia, Belanda, Denmark, Norway, Itali, Sepanyol, Perancis, Rusia dan Ireland. Misi galakan ini turut disertai oleh penggiat industri pelancongan yang terdiri daripada pihak hotel, agensi penggambaran dan pelancongan serta badan promosi negeri-negeri untuk mengadakan hubungan terus dengan pengiat pengusaha pelancongan asing supaya mereka masih memilih Malaysia sebagai destinasi pelancongan mereka di rantau Asia;

3. Meningkatkan penyertaan Malaysia di pameran - pameran pelancongan antarabangsa seperti Top Resa di Perancis, World Travel Market di London, TUR Gothenburg di Sweden dan Expotravel di Rusia untuk memastikan Malaysia sentiasa menjadi destinasi pelancongan pilihan di pasaran-pasaran tersebut;
4. Meningkatkan lagi kekerapan program lawatan suaikenal (Mega Fam) bagi media asing dan pengusaha pelancongan agar mereka mendapat maklumat yang tepat untuk disampaikan di negara masing-masing mengenai keadaan dan aktiviti pelancongan di Malaysia;
5. Mempertingkatkan kempen pengiklanan taktikal dengan pihak media, syarikat penerbangan asing dan agensi-agensi pelancongan asing melalui pejabat-pejabat Tourism Malaysia Luar Negara. Kerjasama dengan syarikat penerbangan asing telah dan sedang dilaksanakan bersama dengan Qatar Airways dan Etihad Airways di pasaran Sepanyol dan Perancis; dan
6. Meningkatkan *visibility* Malaysia di mata pelancong asing melalui pengiklanan global seperti di saluran Discovery Channel dan Channel News Network (CNN).

Tuan Yang di-Pertua,

Melalui usaha-usaha yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2015, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah menerima berbagai pengiktirafan oleh pihak industri pelancongan termasuklah:-

- i) Tempat 1st Prize for Print Category (Wayang Kulit) - The Golden City Gate Awards sempena ITB, Berlin;
- ii) 'The Most Innovative Chapter Award – PATA' sempena Pameran ITB Berlin 2015;
- iii) '2nd place for the Best Asian Tourism Board - Go Asia' sempena Pameran ITB 2015 Berlin, Jerman; dan
- iv) Sabah as The Favorite Island Tour Destination for Chinese Tourist 2015 – Zhoushan International Island Tourism Conference, Zhejiang China pada 13 Oktober 2015.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (34)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 17 NOVEMBER 2015
[SELASA]**

**DARIPADA : Y.B. TUAN NG WEI AIK
[TANJONG]**

SOALAN :-

Y.B. TUAN NG WEI AIK [TANJONG] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan rasionalnya Permit Iklan dan Lesen Pemaju (APDL) tidak dapat diluluskan bagi banyak projek pemajuan perumahan bertingkat di negeri Pulau Pinang. Sila senaraikan projek-projek yang belum diluluskan APDL dan sebab-sebab bagi setiap projek tersebut.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak mendiskriminasi mana-mana pihak dalam pemberian lesen pemajuan perumahan. Pada tahun 2014, bagi projek-projek di Pulau Pinang, Kementerian telah menerima sebanyak 35 permohonan lesen dan kesemua lesen tersebut telah diluluskan. Hanya permohonan yang benar-benar lengkap dan mematuhi semua syarat dan keperluan sahaja yang akan diluluskan demi menjaga kepentingan pembeli.